

13 MAY 2000

Mahathir-Muzakarah

UMNO SEDIA BERMUZAKARAH DENGAN PAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- UMNO bersedia mengadakan muzakarah dengan PAS seperti yang diminta oleh parti pembangkang itu, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata syarat-syarat muzakarah itu perlu ditentukan.

"Kita akan fikir tentang perkara ini (muzakarah) kerana dia (PAS) kata nak muzakarah tetapi apakah dia (PAS) sanggup menerima keputusan ataupun dia (PAS) sanggup mempunyai fikiran terbuka," katanya pada persidangan media di akhir hari ketiga Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am PAS yang juga Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang meminta Umno supaya segera bermuzakarah dengan PAS bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul termasuk isu perpaduan di kalangan umat Islam di negara ini.

Nik Aziz hari ini berkata di Kota Baharu, Kelantan bahawa bermuzakarah adalah cara yang terbaik berbanding tindakan Umno menyerang PAS dengan tuduhan yang tidak berasas kononnya PAS memperalatkan agama dan menjadi penyebab kepada perpecahan umat Islam.

Dr Mahathir berkata PAS tidak ikhlas dan jujur, seperti semasa berhadapan dengan Umno, mereka menyatakan parti itu tidak mengkafirkan orang UMNO tetapi tetap bercakap mengenainya semasa berceramah di kampung-kampung.

"Kita selalu pun Islamik, PAS bukan Islamik. PAS menyeleweng daripada ajaran Islam sebenarnya.

"PAS cuba nak tunjuk imej Islam dengan pakai jubah...kupiah putih, lepas itu bohong," katanya.

Dr Mahathir berkata umpamanya, PAS menyatakan semasa beliau jatuh kuda di Argentina, mereka mengatakan ada terowong "di mahligainya" di Putra Jaya hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang untuk beliau melarikan dengan menaiki kapal terbang jika berlaku demonstrasi

"Bohong...terowong hanya untuk sistem rel aliran ringan," katanya.

Beliau juga berkata Umno telah melaksanakan tanggungjawabnya untuk meningkatkan syiar Islam hingga negara Islam lain memandang Malaysia sebagai negara contoh dan model.

"Jangan harap saya akan memakai kupiah putih dan berjubah dan bercakap bohong," katanya.

-- BERNAMA

AZ LAT